

Utusan Malaysia
(Dalam Negeri : m/s-22)
Banci ekonomi PKS dilaksana tahun ini

**Banci ekonomi
PKS dilaksana
tahun ini**

PUTRAJAYA 21 April - Jabatan Perangkaan Malaysia akan melaksanakan Banci Ekonomi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, banci tersebut merupakan projek besar pengumpulan statistik mengenai ekonomi semasa yang memerlukan perancangan secara rapi.

“Selain menjalankan banci ini, Jabatan Perangkaan juga akan mengeluarkan Laporan Ciri-ciri Asas Demografi pada Julai 2011.

“Sebelum ini, jabatan ini berjaya mengeluarkan Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 pada Disember lalu,” katanya pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perangkaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.